

# Abdullah mahu pelajar tambah nilai diri

UM - 19/1/2007



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama bekas guru Bahasa Inggerisnya, Ong Poh Kee (tiga dari kanan) dan rakan-rakan alumni beliau memotong kek pada majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-30 Sekolah Tinggi Bukit Mertajam di Subang Jaya, malam tadi.

- Gambar AZLI AHAD

SUBANG JAYA 18 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pelajar supaya menambah nilai keupayaan diri bagi membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan negara dan kemajuan bangsa.

Perdana Menteri berkata, nilai tambah seperti kemahiran berkaitan bioteknologi dan komputer akan memastikan mereka dapat menghadapi pelbagai cabaran baru pada masa depan.

"Itulah harapan saya... supaya pelajar dapat menambah nilai diri agar mereka dapat memberi sumbangan kepada negara dan bangsa. Saya harap sumbangan sebegini juga dapat diberi oleh semua rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-30 Sekolah Tinggi Bukit Mertajam (HSBM) di sebuah hotel di sini, malam ini.

Majlis anjuran alumni sekolah HSBM dimeriahkan dengan persembahan pantaragam sekolah dan artis tempatan.

Perdana Menteri juga berkata, langkah menambah nilai diri akan dapat memastikan Malaysia mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, beliau juga bersetuju dengan cadangan beberapa pihak supaya subjek Perpaduan Nasional diajar di sekolah bagi

menyedarkan generasi muda mengenai pentingnya perkara itu bagi memastikan negara ini terus aman.

Katanya, keamanan yang dikecapi sekarang, hasil perpaduan kaum membolehkan negara membangun dengan pesat dalam segala bidang dan mengatasi negara-negara lain yang mencapai kemerdekaan pada tempoh hampir sama dengan Malaysia.

"Kini kita telah mencapai kemerdekaan selama 50 tahun dan saya harap generasi muda dapat diingatkan kembali mengenai pentingnya perpaduan antara kaum, kerana mereka tidak pernah mengalami kesusahan akibat perpecahan," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan memperuntukan sebanyak RM20 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk menyediakan kemudahan lebih baik di HSBM, manakala geran RM3.5 juta lagi untuk kerja-kerja pembaikan di sekolah itu selaras dengan kedudukannya sebagai tempat bersejarah.

Menurut Perdana Menteri, sekolah tersebut yang ditubuhkan pada 18 Januari 1927 telah melahirkan ramai tokoh dan pemimpin termasuk beliau dan juga bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dan Pengerusi Telekom Malaysia, Tan Sri Mohd. Radzi Mansor.